

22 NOV 2000

Botswana-Tiba

PRESIDEN BOTSWANA MULAKAN LAWATAN KERJA EMPAT HARI

SEPANG, 22 Nov (Bernama) -- Presiden Botswana Festus G. Mogae tiba di sini dari Langkawi untuk memulakan lawatan kerja selama empat hari.

Mogae merupakan antara peserta di Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok menyambut ketibaan Mogae dan isteri Barbara serta delegasinya di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL, di sini.

Selepas itu, Mogae dijadual melawat Santuari Tanah Lembah Paya Indah, Dengkil sebelum mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana, Putrajaya pada petangnya.

Dr Mahathir kemudian akan meraikan Mogae dan delegasinya pada jamuan malam.

Esok, Mogae dijadual merasmikan Seminar Pelaburan Botswana, anjuran Botswana Export Development and Investment Agency (BEDIA) sebelum melawat Muzium Kesenian Islam.

Pada Jumaat, Mogae dan delegasinya yang termasuk Menteri Perdagangan dan Industri Tebelelo Seretse, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan akan melawat kilang pembuat kereta kebangsaan, Proton di Shah Alam.

Presiden juga akan mengadakan perjumpaan dengan pelajar Botswana di sini sebelum berlepas pulang ke tanah air melalui Johannesburg pada Sabtu.

Ini merupakan lawatan kedua Mogae ke Malaysia selepas mengadakan lawatan kerja serupa selepas LID tahun lepas.

-- BERNAMA

MHI AFY ES RHM